

Kecewa saluran belum dibaiki

Lebih 3,000 penduduk lima kampung sekitar pekan Salak Lama alami banjir kilat

SALAK TINGGI: Lebih 3,000 penduduk dari lima kampung sekitar pekan Salak Lama dekat sini, kecewa kerana pihak berkuasa belum membaiki sistem saluran di kampung itu yang dikenal pasti menjadi punca banjir kilat.

Kegagalan pihak berkuasa membaiki sistem saluran air yang tidak sempurna itu menyebabkan rumah penduduk sering dinaiki air apabila hujan lebat walaupun hanya beberapa jam.

Dalam kejadian terbaru pada 14 September lalu, iaitu selepas empat hari menyambut Aidilfitri, penduduk lima kampung terbabit terpaksa berputih mata apabila kawasan kediaman mereka dilanda banjir kilat selepas hujan lebat selama kira-kira empat jam.

Hujan lebat bermula jam 6 pagi itu merosakkan suasana sambutan Aidilfitri mereka apabila sebahagian besar kawasan kampung digenangi air sedalam kira-kira satu meter dan turut memasuki rumah dan kedai.

Antara kawasan terbabit ialah Kampung Salak Lama, Kampung Lembah Paya, Kampung Gincing, Kampung Jijan dan kawasan perumahan Taman Desa Merpati, di sini.

Air bercampur lumpur



ZULKIFLI (kanan) dan pekerjaanya meninjau air yang memasuki restoran.

yang memasuki rumah penduduk hanya surut kira-kira jam 2 pagi, 15 September menyebabkan hari raya kelima penduduk dipenuhi dengan kegiatan mencuci rumah masing-masing.

Pengusaha restoran di Kampung Lembah Paya,

Zulkifli Daud, 22, berkata air mula melimpah sekitar jalan utama sebelum merebak ke kediaman penduduk termasuk kedainya sekitar jam 10 pagi hingga paras pinggang orang dewasa sekelip mata.

“Ketika hujan lebat, saya berada di rumah yang tidak

jauh dari kedai, paras air naik begitu mendadak dan menyebabkan kebanyakan penduduk terkejut dan tidak sempat menyelamatkan barang.

“Kira-kira jam 2 pagi baru air surut menyebabkan saya kerugian hampir RM5,000

kerana kebanyakan barang jualan rosak akibat banjir termasuk separuh daripadanya hanyut dibawa arus deras,” katanya ketika ditemui.

Katanya, banjir kali ini disifatkan paling teruk sejak lima tahun lalu kerana air

naik hingga paras pinggang berbanding sebelum ini setakat paras lutut atau betis orang dewasa.

“Banjir kilat kali ini paling buruk menyebabkan penduduk kampung mengalami kerugian mencecah ribuan ringgit dalam sekelip mata.

“Akibat kejadian itu, laluan utama di pekan Salak Lama terpaksa ditutup untuk kenderaan ringan bermula kira-kira jam 3 petang 14 September lalu kerana paras air terlalu tinggi,” katanya.

Rakannya, Norhisyam Ghafar, 29, berkata kebanyakan motosikal yang melalui jalan utama di situ pada hari berkenaan jatuh kerana tidak nampak tebing jalan di laluan utama berkenaan.

“Kami semua masih dalam keadaan terkejut kerana melihat banyak barang yang rosak dan tidak sempat menyelamatkan akibat terkena air banjir.

“Memang kami maklum hujan lebat luar biasa, tetapi kami tidak membuat perseediaan seperti mengangkat barang ke tempat lebih tinggi kerana biasanya air masuk ke paras lutut atau betis saja,” katanya.